

13/04/2002

Kit Siang halangan DAP sertai Barisan Nasional

Syed Akbar Ali

PILIHAN raya kecil Indera Kayangan telah menamatkan riwayat hidup parti Keadilan dan juga menandakan penghabisan kerjasama antara parti pembangkang dalam pakatan mereka.

Kemenangan calon Barisan Nasional (BN) di kebanyakan peti undi di Indera Kayangan, termasuk di peti undi Guar Syed Alwi yang menjadi kubu kuat parti Pas sejak negara kita mencapai kemerdekaan, menunjukkan bahawa penyokong Pas pun tidak yakin lagi dengan pakatan pembangkang yang kelihatan begitu gah tidak berapa lama dulu. Kini pakatan pembangkang sudah tiada lagi.

Pilihan raya kecil Ketari pula membawa pengajaran pahit khas untuk DAP kerana parti itu jelas sekarang bahawa pengundi kaum Cina yang membentuk majoriti penyokongnya tidak lagi perlu kepada DAP sebagai parti politik yang boleh membantu mereka.

Ini mungkin menjadi satu kenyataan yang akan kekal di kalangan pengundi China yang pernah menyokong DAP dulu. Seperti juga parti Keadilan, riwayat hidup DAP boleh dikatakan telah berakhir.

Sebagai sebuah parti yang berusia hampir 40 tahun, DAP sudah ketinggalan zaman kerana parti itu tidak tahu menukar atau mengubah falsafah perjuangannya walaupun telah terbukti politik dan kepentingan kaum Cina sudah berubah sama sekali sejak DAP mula aktif dalam politik negara ini.

Mungkin masalah paling rumit yang DAP tidak sedari ialah parti itu masih dikongkong dan dikawal ketat oleh Lim Kit Siang selama lebih 36 tahun. Kit Siang telah menduduki takhta DAP lebih lama daripada Mao Tse Tung menjadi pemimpin China komunis.

Kehadiran Kit Siang sebagai pemimpin untuk tempoh yang begitu lama berserta genggamannya beliau yang begitu ketat terhadap DAP tidak membenarkan barisan pemimpin pelapis muncul dalam parti itu yang boleh memberi nafas baru atau hala tuju baru kepada perjuangan parti.

Selain anak beliau, Lim Guan Eng, tidak ada lagi pemimpin pelapis dalam DAP yang boleh mendapat sokongan padu daripada ahli untuk menerajui parti itu.

Walaupun DAP terbuka kepada semua kaum, tidak dapat dinafikan bahawa parti itu memperjuangkan politik pembangkang yang disokong oleh pengundi Cina.

Perjuangan DAP adalah peninggalan daripada perjuangan pasca perpisahan Malaysia dan Singapura tahun 60-an yang mana DAP telah menjadi kesinambungan kepada konsep 'Malaysian Malaysia' yang telah diungkit oleh Lee Kuan Yew dan parti PAP sewaktu Singapura menyertai Malaysia.

Konsep 'Malaysian Malaysia' yang diutarakan Kuan Yew tidak lain daripada usaha untuk mengekalkan dominan kaum Cina dalam ekonomi dan pentadbiran negara pada waktu itu yang paling tidak sesuai dengan realiti masa depan negara kita yang diimpikan oleh majoriti penduduk negara, terutama kaum majoriti Melayu.

Hasutan PAP telah gagal dan akhir sekali Singapura terpisah daripada Malaysia.

Pada awal perjuangannya pada tahun 60-an, selepas berlaku perpisahan Malaysia dan Singapura, DAP masih berjaya mencapai sedikit sebanyak kejayaan dalam pilihan raya kerana masih ada bilangan penyokongnya yang cukup untuk memberi kemenangan di peti undi.

DAP muncul sebagai parti pembangkang terbesar di Parlimen sehingga tahun 90-an.

Politik pembangkang pada mulanya adalah bantahan segelintir kaum Cina yang takut mereka akan tenggelam dalam arus perdana Malaysia yang dipimpin orang Melayu.

Bantahan ini bermula pada 1948 yang mana segelintir kaum Cina menyokong Parti Komunis Malaya (PKM) dalam perjuangan mereka untuk menubuhkan sebuah negara komunis yang mana tidak akan ada sebarang perbezaan antara kaum dalam negara ini.

Hakikatnya ialah kerana PKM dipimpin oleh orang Cina dan mendapat sokongan penuh negara China komunis, maka sudah tentu golongan Cina akan menjadi pemerintah dan penentu nasib negara ini jika mereka berjaya menegakkan kerajaan.

Tetapi seperti mana disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita dapat mematahkan sokongan kaum Cina terhadap PKM apabila lebih daripada satu juta orang keturunan Cina diberi kewarganegaraan Malaysia.

Tindakan ini menukar psikologi orang Cina, mengakibatkan mereka menjadi warga negara Malaysia yang sedia menerima hakikat politik negara ini yang mana kaum majoriti Melayu akan menerajui kepemimpinan negara.

Kerelaan majoriti kaum Melayu untuk bekerjasama dengan semua kaum mengukuhkan lagi sokongan majoriti kaum Cina terhadap gabungan politik parti Perikatan yang kemudian bertukar menjadi BN yang telah berjaya dalam semua pilihan raya sejak negara kita mencapai kemerdekaan.

Orang Cina yang masih tidak boleh menerima realiti politik itu dan mempunyai prasangka tebal terhadap kepemimpinan politik Melayu bertukar menjadi pendapat yang minoriti dalam negara kita, termasuk di kalangan kaum Cina sendiri.

Mereka meluahkan bantahan mereka dengan memberi sokongan kepada parti pembangkang seperti PAP yang menyanyikan lagu 'Malaysian Malaysia'. Apabila Singapura berpisah daripada Malaysia, mereka mengalihkan sokongan kepada DAP pula yang menyambung perjuangan PAP.

Akan tetapi keadaan politik dalam negara kita telah berubah sama sekali. Pembangunan negara yang begitu pesat dan kemajuan yang telah dicapai oleh semua kaum, terutama sekali kaum Cina, meyakinkan kebanyakan orang Cina bahawa mereka tidak perlu khuatir atau takut kepada kuasa politik Melayu.

Kaum Cina mempunyai peranan besar dan penting dalam negara dan mereka amat menghargai kestabilan politik dan kepemimpinan politik Melayu yang telah membawa banyak faedah dan kesenangan hidup kepada semua penduduk negara ini.

Sebagai suatu kaum yang pragmatis dan cekap menilai keadaan, mereka sedar bahawa politik gabungan BN akan menjamin masa depan mereka dan masa depan negara kita.

Sehingga kini, belum ada lagi sebarang gabungan politik lain yang wujud atau yang akan wujud dalam negara ini yang boleh memberi jaminan yang sedemikian rupa.

Sebaliknya, kemunculan parti pembangkang ekstremis daripada kaum Melayu sendiri yang berjaya menggulingkan DAP sebagai parti pembangkang utama dalam Parlimen telah memberi satu kejutan kepada kaum Cina.

Kemunculan parti ekstremis yang menggunakan demonstrasi jalanan dan pendekatan agresif dalam politik mereka hanya membantu untuk mengukuhkan sokongan kaum Cina terhadap politik sederhana BN.

Tambah lagi peristiwa September 11 dan kewujudan anasir ganas bercorak keagamaan yang boleh menggugat keselamatan negara kita menakutkan lagi kaum Cina terhadap masa depan mereka dan masa depan negara.

Mereka tidak rela menyokong sebarang puak atau kumpulan yang boleh mengancam segala pencapaian dan kesejahteraan hidup yang mereka nikmati.

Oleh itu, masa depan parti DAP sebagai penyambung perjuangan 'Malaysian Malaysia' yang tidak pragmatis itu sudah menjadi lapuk dan jauh

ketinggalan zaman.

Tindakan DAP untuk bergabung dengan parti ekstremis telah menjadi satu kesilapan paling besar dalam sejarah DAP. Hakikatnya ialah sokongan terhadap DAP daripada segelintir minoriti kaum Cina makin hari makin tipis. DAP tidak mempunyai sokongan daripada mana-mana pihak yang lain.

Untuk survival DAP yang seterusnya, mereka tidak mempunyai pilihan melainkan untuk meninggalkan perjuangan 'Malaysian Malaysia' dan memutuskan semua kerjasama dengan parti ekstremis yang sudah tidak laku.

Tetapi jika DAP berbuat demikian - dan sudah tentu mereka akan terpaksa berbuat demikian - maka tidak akan ada beza lagi di antara DAP dan MCA atau parti Gerakan yang telah mewakili kehendak paling ramai kaum Cina dengan sungguh berjaya.

Di sinilah timbul peluang baru untuk DAP. Sehingga kini, DAP telah menunjukkan keupayaan untuk bekerjasama dengan Semangat 46 dan Parti Keadilan yang semuanya adalah parti serpihan daripada Umno.

Malah, DAP juga pernah menjalin kerjasama dengan Pas, Parti Rakyat Malaysia dan Parti Bersatu Sabah. Oleh itu, tidak mustahil bagi DAP untuk menjalin hubungan dengan BN.

Perjuangan BN sudah begitu lama diterima oleh majoriti kaum Cina dalam negara kita dan tidak ada sebab kenapa DAP dan penyokongnya tidak boleh menerimanya juga.

Tetapi ia mustahil bagi DAP yang ada pada hari ini untuk menyertai BN. Pertama sekali, parti itu digenggam oleh Kit Siang yang bertekad untuk memusuhi BN buat selama-lamanya.

Kebencian Kit Siang terhadap BN begitu tebal sehingga beliau rela menggadai masa depan DAP untuk bekerjasama dengan Pas dalam khayalan nyanyuk bahawa gabungan 'Malaysian Malaysia' DAP dan ekstremis agama Pas boleh menggulingkan kesederhanaan dan segala kejayaan BN.

Oleh itu, DAP hanya boleh menyertai BN jika Kit Siang bersara daripada memegang teraju parti itu dan membenarkan pemimpin muda yang lebih pragmatis memimpin parti.

Lagipun, tempoh 36 tahun Kit Siang menjadi pemimpin mutlak DAP adalah satu tempoh yang terlalu lama. Di sini tidak mustahil bagi anak beliau, Guan Eng, mengambil alih kepemimpinan parti dan memikirkan hala tuju yang baru bagi DAP.

Masalah kedua ialah parti komponen BN, terutama MCA, akan membantah kemasukan DAP yang telah lama memusuhi mereka dengan cacian dan maki-hamun.

Tetapi konsep kerjasama yang sangat kukuh dalam BN yang menjadi rahsia kejayaan BN selama ini berupaya menyelesaikan masalah yang sebegini rupa.

Selain MCA, parti Gerakan dan parti politik di Sarawak yang juga mewakili ramai kaum Cina semua boleh bekerjasama sebagai parti komponen dalam BN.

Begitu juga terdapat lebih daripada satu parti yang mewakili kaum India dalam BN. Oleh itu, kemasukan DAP ke dalam BN boleh diatur tanpa menggugat kedudukan parti komponen yang lain.

Kekalahan DAP pada pilihan raya kecil Ketari menjadi watershed atau satu pemisah dalam riwayat politik DAP yang mana parti itu mempunyai masa depan yang begitu gelap jika ia masih berterusan dengan perjuangannya yang sudah lapuk.

Kemungkinannya paling besar bahawa pilihan raya 2004 yang menjelang tiba akan melihat parti DAP lenyap sama sekali dan tidak dapat bangun kembali.

Tetapi politik diibaratkan sebagai the art of the possible yang mana segala-galanya mungkin. Kerjasama DAP dengan Pas sudah membuktikan bahawa segala-galanya memang boleh dalam arena politik.

Masa adalah amat terhad. DAP perlu memikirkan masa depannya dengan cepat dan betul.

( END )